



JAWATAN : **PEMBANTU KESELAMATAN**
GRED JAWATAN : **KP1**
SKIM PERKHIDMATAN : **PEMBANTU KESELAMATAN**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
TARAF JAWATAN : **TETAP**
LOKASI : **JOHOR BAHRU**

JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM : **RM1,500.00 – RM4,680.00**
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : **RM100.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM : **RM115.00 SEBULAN**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN : **RM300.00 SEBULAN**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP : **RM350.00 SEBULAN**

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang- kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1: RM1,500.00); atau
 - (iv) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP1: RM1,561.00); atau
 - (v) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan pada Gred KP1: RM1,622.00).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TARAF JAWATAN : TETAP

LOKASI : UTM Johor Bahru

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Kelebihan kepada calon yang mempunyai pengalaman menyelia dan mengkoordinasi staf bawahan.
3. Boleh bekerja di lapangan dan mampu mengetuai operasi penguatkuasaan.
4. Kelebihan kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan acara berskala besar terutamanya melibatkan skop pengurusan aliran lalulintas.
5. Mempunyai pengetahuan dan Kemahiran dalam penggunaan asas komputer
 - a. Microsoft Powerpoint bagi penyediaan laporan pembentangan bulanan
 - b. Microsoft Excell bagi Pembangunan dan senggara data operasi, kompaun, dan lain-lain maklumat berkaitan
 - c. Microsoft Word bagi penyediaan laporan siasatan kemalangan jalanraya.
6. Mempunyai keterampilan untuk mengetuai unit.

DESKRIPSI TUGAS :

1. Menyelia anggota Unit Lalulintas dari aspek pembahagian tugas, disiplin, kehadiran bertugas, penyusunan cuti, pencapaian mata CPD dan semua yang berkaitan.
2. Mengetuai pengendalian urusan-urusan di kaunter
3. Bertanggungjawab memastikan semua data dan perekodan sentiasa dikemaskini dan tepat
4. Pengurusan kenderaan dan aset di bawah unit seliaan
5. Penyediaan laporan bulanan bagi pencapaian SKT unit
6. Perancangan perolehan perkakasan bagi tambahbaik kualiti kerja unit
7. Penilaian semula dan penambahbaikan proses kerja dan SOP dari masa ke semasa
8. Memastikan proses dokumentasi di unit sentiasa dikemaskini bagi persediaan Audit Dalam ISO & Audit SIRIM

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal, dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298).

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (*online*) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR berukuran pasport.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.